

Maqam sabar dalam tasawuf cari reda tuhan

SIFAT sabar turut dimasukkan oleh tokoh ulama sufi sebagai satu daripada maqam yang perlu dilalui oleh seseorang salik dalam perjalanan sufinya.

Namun, terdapat perbezaan pendapat dalam susun atur hierarki maqam sabar. Misalnya, al-Sarraj meletaknya pada maqam kelima, al-Suhrawardi (maqam keempat), al-Ghazali (maqam kedua) dan al-Sakandari (maqam ketiga).

Sabar dalam istilah bahasa bermakna menahan dan berhenti daripada melakukan sesuatu. Lawan sifat sabar ialah cemas atau bimbang.

Manakala dari segi istilah syarak pula, sabar merujuk kepada tiga aspek pengertian berikut:

1 Menahan, menghalang dan menegah diri daripada dikuasai rasa terkejut serta bimbang sewaktu ditimpa musibah, sehingga beroleh balasan baik daripada Allah.

"Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat," (al-Shura: 43).

2 Menahan dan menghalang lidah daripada merintih serta mengadu sewaktu ditimpa *ibtala'* (ujian).

bicara tasawuf

Oleh PROF. DATUK ZAKARIA STAPA
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institusi Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



Ini kerana yakin dan percaya bahawa manusia diwujudkan di muka bumi untuk menerima ujian serta dugaan.

"*Sesungguhnya Kami telah aturkan cara menciptakan manusia bermulanya daripada air mani yang bercampur (benih lelaki dan perempuan), sambil Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan)...*" (al-Insan: 2)

3 Menahan dan mencegah anggota jasad daripada melakukan maksiat

Ini bermakna seseorang yang memiliki sifat sabar itu ialah yang berjaya mengawal keseluruhan dirinya, sehingga benar-benar menepati kehendak dan tuntutan syarak.

MAQAM YANG MULIA

Dalam penghayatan golongan sufi, sabar adalah maqam yang mulia. Orang yang sabar adalah mereka yang sanggup menghadapi cabaran hebat daripada perkara yang tidak diredai oleh Allah.

Tokoh sufi menjelaskan pengalaman peribadi mereka dalam menghayati maqam sabar ini. Dalam konteks ini antara lain mereka mengungkapkan pengalaman berkenaan seperti berikut:

● Mengelak daripada melakukan perkara yang tidak betul dari segi syarak dan tenang ketika menghadapi kesukaran sambil menahirkkan kelapangan sewaktu menghadapi kesempitan hidup.

● Tetap teguh bersama Allah dan menerima petaka Allah dengan hati terbuka.

● Iaitu dalam pengertian sentiasa iltizam melaksana segala hukum al-Quran, Sunah dan sentiasa senyum serta berlapang dada ketika menghadapi musibah.

● Fana (tenggelam hapus tanpa sedar) di dalam petaka tanpa melahirkan sebarang keluhan.

● Seseorang tidak dapat membezakan antara nikmat dengan kesukaran dan hatinya

pula tenang dalam menghadapi kedua-dua keadaan tersebut.

● Seseorang menelan kepahitan tanpa kerutan muka.

● Iaitu menanggung kesukaran semasa melaksanakan pelbagai taklif dan menerima pelbagai ujian tanpa terdetik sebarang rasa putus asa, bimbang atau kecewa, kerana yakin bahawa semua itu datang daripada Allah.

Ini bermakna maqam sabar yang dihayati secara peribadi oleh golongan sufi sudah berada pada tahap tinggi, sehingga mereka fana dan tidak dapat membezakan antara senang dan susah serta sanggup menerima suasana sukar dengan senang hati.

Malahan, golongan ini menyakini dan menghayati intisari yang terkandung dalam ungkapan Ali bin Abi Talib k.w. maksudnya: "*Bandingan sabar dalam hubungannya dengan iman adalah bagaikan kedudukan kepala daripada sebatang tubuh.*"

KATEGORI SABAR

1 Imam al-Qushayri dalam *al-Risalah al-Qushayriyyah* misalnya membahagikan sabar kepada dua bahagian:

● Sabar atas perkara usaha dan kerja seseorang hamba itu sendiri.

● Golongan ini ialah, setiap perkara yang disuruh dan ditegah ke atas manusia: iaitu pelbagai taklif syarak dalam bentuk kata-kata ataupun perbuatan.

● Sabar terhadap perkara yang bukan daripada usaha manusia.

● Merujuk kepada sabar terhadap pelbagai kemalangan atau kecelakaan yang terjadi ke atas diri manusia daripada sisi Tuhan seumpama pelbagai kesakitan, penderitaan dan mala petaka.

2 Syeikh Abd. al-Qadir al-Jilani dalam kitabnya *al-Ghuniyyah* mencatatkan bahawa sabar terbahagi kepada tiga jenis berikut:

● *Sabr li Allah*: iaitu sabar dalam menunaikan suruhan-Nya dan berhenti daripada melakukan tegahan-Nya.

● *Sabr ma'a Allah*: iaitu sabar menerima segala ketentuan

Allah ke atas diri hamba-Nya yang terdiri daripada pelbagai kesukaran dan malapetaka.

● *Sabr 'ala Allah*: iaitu sabar terhadap perkara yang dijanjikan oleh Allah, seumpama rezeki, kemenangan, kejayaan serta balasan pahala hari akhirat.

PERINGKAT MAQAM SABAR

Tokoh sufi, Abu al-Hasan Salim sebagaimana dicatatkan oleh al-Sarraj dalam kitab *al-Luma'* dan oleh al-Suhrawardi dalam kitab *'Awarif al-Ma'arif*, mengkategorikan peringkat maqam sabar kepada tiga tahap iaitu:

1- Mutasabbir

● Mereka yang sabar dalam melaksanakan suruhan atau tugasan yang diperintah oleh Allah. Namun golongan ini kadang-kadang sabar dalam menghadapi perkara yang tidak digemari oleh mereka dan kadang-kadang lemah dalam menghadapi hal tersebut.

2- Sabir

● Mereka yang sabar melaksanakan perintah Allah dan melakukan perintah tersebut hanya semata-mata kerana Allah. Kebimbangan dan ketakutan sudah tidak ada lagi dalam diri golongan ini. Namun, kadang-kadang masih juga timbul keluhan dan rintihan daripada mereka.

3- Sabbar

● Orang yang benar-benar sabar dalam melaksanakan perintah Allah, di mana mereka lakukan kerana Allah dan dengan Allah. Walaupun terjadi pelbagai petaka, mereka tidak akan lemah menghadapinya, dan mereka juga akan tetap sabar dan tidak akan berubah.

Ternyata bahawa penghayatan maqam sabar pada tahap *sabbar* merupakan tahap tertinggi dan paling sempurna. Ideal dan cita-cita golongan sufi ialah ke arah untuk mencapai tahap tertinggi tersebut, sekalipun mereka mengiktiraf wujudnya perbezaan tahap dalam penghayatan



SABBAR ialah peringkat tertinggi dalam maqam sabar iaitu tenang menghadapi ujian.
- GAMBAR HIASAN